

24 FEB 2001

BFA-ASIA

BFA BANTU ASIA SUSUN TINDAKAN, KATA MUSA HITAM

Oleh: Yong Soo Heong

HAINAN, 24 Feb (Bernama) -- Forum Boao bagi Asia (BFA) yang akan dilancarkan tidak lama lagi di sini, akan mencari penyelesaian dan melaksanakan program untuk mempersiapkan Asia bagi serangan globalisasi dan memastikan bahawa kemakmuran ekonomi tersebar ke seluruh rantau ini, kata Tan Sri Musa Hitam.

"Ia adalah mengenai usaha membantu Asia menyusun tindakannya," katanya dalam satu wawancara di Kuala Lumpur.

"Ia adalah mengenai usaha mengekalkan dinamisme dan kerancakan Asia." Penekanan utama BFA ialah ekonomi dan satu mekanisme akan diwujudkan untuk memastikan bahawa ia tidak hanya tinggal sebagai "sebang kedai kopi", kata Musa, yang merupakan seorang ahli kumpulan penasihat BFA, Majlis Pemimpin, yang terdiri daripada negarawan lama, pemimpin-pemimpin perniagaan dan ahli akademik terkemuka.

Dengan perkataan lain, BFA akan menjadi satu institusi yang keutamaannya adalah menyediakan program pembangunan ekonomi yang berdaya maju bagi faedah negara-negara Asia.

Boao adalah sebuah kawasan peranginan yang terletak dalam zon ekonomi khas di Pulau Hainan, selatan China dan forum ini mengambil sempena namanya kerana di sinilah BFA akan dilancarkan Selasa depan.

Mengimbas kembali inisiatif ke arah penubuhannya yang bermula tahun lalu, Musa menjelaskan bahawa BFA boleh dikatakan diilhamkan daripada Forum Tahunan Ekonomi Dunia (WEF) di Davos (Switzerland) tetapi beliau segera menegaskan bahawa ia bukanlah 'salinan pendua' Davos.

Kata Musa, semasa menghadiri forum Davos, sebanyak dua kali, beberapa tahun lalu ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau merasakan bahawa Asia agak terpinggir di WEF.

Sungguhpun beliau suka format WEF kerana ia membolehkan seseorang itu berinteraksi dengan bukan sahaja pemimpin-pemimpin terkemuka di dunia tetapi juga ketua-ketua korporat, namun adalah logik jika satu bentuk institusi yang berpusat di Asia ditubuhkan, memandangkan terlalu sedikit perhatian yang diberikan kepada Asia di Davos pada ketika itu.

Dengan BFA, katanya akan wujud pengenalan tertentu tentang ciri-ciri khusus sistem ekonomi dan situasi yang berbeza-beza di Asia, yang pada asasnya satu kumpulan yang terdiri daripada negara-negara yang pelbagai.

Menggunakan satu analogi, beliau berkata segelintir negara Asia telahpun berada dalam orbit, iaitu beberapa negara maju seperti Jepun, manakala sebahagiannya baru meninggalkan tapak pelancaran, sebahagiannya berada pada tapak pelancaran dan sebahagian pula masih belum membina tapak pelancaran.

"Harus ada sensitiviti tentang keperluan-keperluan khusus negara Asia secara berasingan.

Musa berkata BFA akan mengenal pasti bidang-bidang untuk kesepakatan, kerjasama dan bantu-membantu di kalangan negara-negara Asia memandangkan latar belakang mereka yang berbeza-beza.

"Kita mahu memanfaatkan pengalaman satu sama lain bagi kebaikan keseluruhannya," katanya.

Agar semuanya dapat dijayakan dengan lebih baik dan untuk mencapai hasil yang diinginkan, kata Musa, sebuah institut penyelidikan akan ditubuhkan di bawah naungan BFA untuk menjalankan kajian-kajian bagi faedah rantau ini.

Badan sedemikian akan membantu BFA menjadi lebih berkesan kerana pada

asasnya, hala tujuanya adalah ekonomi, katanya.

Musa juga berkata pertukaran pakar, ide dan maklumat akan membolehkan negara-negara melengkap satu sama lain dengan pengalaman masing-masing.

Mengenai penglibatan Malaysia dalam BFA, katanya negara ini mempunyai wakil yang mencukupi. Selain beliau, Malaysia diwakili oleh dua lagi anggota dalam BFA. Misalnya, Tan Sri Ajit Singh, bekas Setiausaha Agung Asean, akan dilantik secara rasmi sebagai Setiausaha Agung BFA.

Di samping itu, Datuk Dr Kamal Salih, yang dahulunya Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dan kini Pengerusi Tenggara Capital Bhd, adalah wakil Musa dalam BFA.

"Orang ini bagus-bagus dan pasti akan mengharumkan nama Malaysia daripada segi sumbangan kepada kegiatan-kegiatan forum ini," kata Musa.

Satu perkara penting bagi Malaysia, katanya, ialah hakikat bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada pelancaran BFA Selasa ini. Selain Perdana Menteri, beberapa pemimpin negara Asia termasuk Presiden China Jiang Zemin akan turut hadir.

Musa berkata kehadiran pemimpin-pemimpin tertinggi daripada beberapa negara Asia ini akan memberi pengaruh politik yang diperlukan bagi BFA.

Tentang penglibatan beliau sendiri dalam BFA, Musa berkata, memberi khidmat sebagai penasihat merupakan suatu keistimewaan dan beliau menerima pelawaan daripada kerajaan Cina itu tanpa teragak-agak kerana "saya berpendapat BFA adalah satu ide yang baik."

Katanya kerajaan China amat berminat terhadap badan seluruh Asia ini dan telah memberi tempat yang sesuai bagi BFA menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan cekap.

"Perlu ada seseorang yang memulakan sesuatu, perlu ada seseorang yang mengadakan kemudahan dan prasarana serta semua yang harus ada dengan perkara-perkara begitu," kata Musa, merujuk kepada minat mendalam China untuk memulakan projek tersebut.

Musa berkata kehadiran Malaysia dalam BFA akan menyumbang ke arah pendekatan yang jauh lebih seimbang.

"Sekalipun terdapat sebarang agenda politik oleh mana-mana negara, kami akan tetap menjayakannya dengan imbalan yang wajar agar ia (BFA) tidak akan 'dikuasai' oleh mana-mana negara, besar atau kecil, kuat atau kurang kuat daripada segi ekonomi atau politik.

Kata beliau kerajaan negeri China telah membayangkan bahawa ia akan meningkatkan taraf kemudahan di Hainan daripada segi dewan persidangan, penginapan, prasarana dan komunikasi serta persidangan untuk membuat persiapan bagi mesyuarat rasmi BFA tahun depan. -- BERNAMA

SHY FR KY OS